

# Kesejahteraan psikologi OKU tanggungjawab bersama

UMS beri pengurangan 50 peratus yuran pengajian, kad diskaun siswa OKU bagi menyuntik semangat belajar

UB 04.12.2022 P. 08

Oleh Vivi Oliviana Najurus

**KOTA KINABALU:** Pernubuhan Pusat Pengurusan Orang Kurang Upaya (OKU), Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) menunjukkan kebijakan OKU menjadi salah satu keutamaan di universiti ini.


Pengaruhnya Dr. Zaiton Mohamad berkata, UMS turut menyediakan tempat kediaman mesra OKU kepada mahasiswa dan mahasiswa di Kolej Kediaman Tun Fuad, UMS.

“Kita juga memberikan kemudahan peralatan sokongan seperti peralatan percetakan, brailler, peralatan pandang dengar, mesin pejabat seperti talking scientific calculator, dan perisian jaws screen reader bagi melengkapkan keperluan golongan pelajar ini.

“Peralatan sokongan seperti kerusi roda, tongkat kaki empat, tongkat sikut dan tongkat ketiak turut disediakan untuk kemudahan pergerakan setempat, dan khas OKU juga tersedia untuk pergerakan di luar kolej kediaman,” katanya.

Tambahnya, UMS juga memberi pengurangan 50 peratus yuran pengajian serta kad diskaun siswa OKU bagi menyuntik semangat belajar dengan lebih baik.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni UMS Profesor Madya Dr Raman Noordin berkata, kebijakan mahasiswa di UMS sangat diambil berat oleh pihak pengurusan di mana terdapat polisi dan tatacara piawaian pengajaran dan pembelajaran (PdP) siswa OKU digunakan dalam memberikan keadilan bersaing secara sihat dengan pelajar lain.



ZAITON



MUHAMMAD IDRIS



RAMAN

“Dasar inklusif OKU UMS juga digubal dan diguna pakai dalam menjaga kemashlahatan mereka.

“Kewujudan golongan ini tidak harus dinafikan malah kehadiran mereka perlu diraikan, sikap negatif, prejudis dan stereotaip yang mengundang kebencian terhadap golongan OKU perlu

dilenyapkan dalam kotak fikiran masyarakat dengan mendedahkan pelbagai maklumat dan pengetahuan yang mendalam tentang golongan OKU,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr Kasim Hj Mansor berkata, golongan OKU ini perlu dilihat sebagai anugerah Allah

SWT yang hadir dalam sebuah masyarakat sebagai ujian kepada mereka yang sempurna.

“Allah SWT sebenarnya menguji kita bagaimana kita selaku anggota masyarakat yang majoriti menjaga dan memelihara kumpulan OKU ini yang sifatnya lebih sempurna dari kita bila berdiri

di hadapan Allah SWT di akhirat kelak.

“Oleh itu, anggota masyarakat baik di kampus atau di mana sahaja perlu sedar akan amanah dan tanggungjawab yang diberikan ini dalam memastikan OKU dibela sewajarnya,” katanya.

Pensyarah Fakulti Psikologi Pendidikan UMS Profesor Madya Dr. Muhammad Idris Bullare @ Bahari berkata, kajian mendapat Nilai Indeks Kebahagiaan OKU-F Malaysia adalah 65.79 peratus.

“Berdasarkan peratus ini, tahap kebahagiaan OKU berada pada tahap sederhana dan mereka menghadapi cabaran prasangka, diskriminasi, dan stereotaip.

“Sebagai OKU, melarikan diri dari fenomena ini adalah sesuatu yang mustahil dan membuat OKU tidak bahagia dan keadaan ini konsep yang mengancam kesihatan

dan kualiti hidup mereka,” katanya.

Tambahnya, OKU-Fizikal memerlukan empat aspek untuk mencapai kebahagiaan subjektif iaitu kerohanian, emosi positif, efikasi diri dan kepuasan terhadap akses.

“OKU sebahagian daripada masyarakat dan kehadiran mereka dalam masyarakat tidak seharusnya diperlekehkan.

“Seperti individu normal, golongan ini juga ingin mencapai kebahagiaan, walaupun golongan ini mengalami kekurangan, namun bukan bererti bahawa mereka tidak berhak untuk bahagia.

“Malah kebahagiaan yang mereka impikan tidak terjangkau oleh akal fikiran kita, dengan semangat jitu, mereka tidak berputus asa agar dapat memperoleh apa yang mereka impikan,” katanya.